

NO. SOALAN:157

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 11 JUN 2014

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha penambahbaikan dalam pengurusan bencana dan persiapan operasi penyelamat Negara dalam menghadapi sebarang kemungkinan selepas mempelajari pengalaman insiden MH370 dan bencana kapal feri Korea Selatan yang tenggelam.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat memberi perhatian serius kepada pengurusan bencana terutama sekali dari peringkat persediaan sebelum bencana berlaku, peringkat tindakbalas semasa berlaku bencana dan pemulihan selepas bencana dengan mengambil kira kebijakan rakyat dan kepentingan awam.

Sebelum berlaku insiden MH370 dan feri karam di Korea Selatan, Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM) telah pun mengambil langkah awal dengan mengeluarkan Arahan MKN No. 20: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara sebagai panduan khusus kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan bencana dalam merancang persediaan dan melaksanakan tindakbalas semasa bencana. Mekanisme tindakbalas telah diperjelas di setiap peringkat pentadbiran di Daerah, Negeri dan di peringkat Persekutuan.

Malah walaupun pengendalian insiden MH370 ini telah diambil alih oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), MKN, JPM masih terlibat dalam jawatankuasa teknikal insiden ini dengan memberikan khidmat penyelarasan peringkat *non-technical* bersama agensi-agensi yang lain.

Selaras dengan keperluan bagi memantapkan kemahiran Pegawai dan anggota agensi penyelamat dan bantuan, program latihamal telah dilaksanakan di kawasan-kawasan berisiko di seluruh negara meliputi latihan menangani bencana banjir, keruntuhan tanah dan bangunan, tsunami, kemalangan yang melibatkan bilangan mangsa yang besar (*mass caualties*) dan kemalangan industri yang turut disertai oleh petugas dari pertubuhan bukan Kerajaan (NGO).

Program penerangan kepada orang awam terhadap bencana telah dijalankan dengan giat di seluruh negara. Penglibatan agensi seperti Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) serta turut dilaksanakan secara kerjasama bersama badan bukan Kerajaan (NGO) seperti MERCY Malaysia (MERCY), Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) dan lain-lain.

Antara yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management – CBDM*). Program yang dilaksanakan sejak tahun 2010 dengan memberikan penumpuan kepada daerah-daerah yang mempunyai *hotspots* kemungkinan berlaku bencana berskala besar. Kaedah pelaksanaan program kesedaran awam ini telah diperingkat dan ditambahbaik di mana pengisian program ini bukan sekadar ceramah tetapi turut diisi dengan bengkel yang mengajar mengenai persediaan bagi menghadapi banjir, tindakan yang perlu diambil

semasa mendapat arahan berpindah, peranan komuniti di pusat pemindahan dan perkara yang perlu dilakukan setelah mendapat kebenaran pulang ke rumah. Sehingga tahun 2013, seramai 12,111 peserta telah menyertai program ini di seluruh negara.

Selain daripada itu, latihan persediaan menghadapi bencana turut dilaksanakan di peringkat sekolah dengan adanya kerjasama KPM dengan MERCY untuk menjalankan program Smart Support Team (SST). Program yang dilaksanakan di sekolah ini memberikan peluang dan pengalaman kepada pelajar untuk bertindak sekiranya berlaku bencana. Program yang turut mendapat sokongan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ini masih pada peringkat pelaksanaan. Di samping itu juga, peningkatan kesedaran pengurangan risiko bencana turut telah dimasukkan ke dalam takwim sekolah di mana kawad kecemasan telah diarah untuk diadakan di sekolah-sekolah.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN 158

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)

TARIKH : 11.06.2014 (RABU)

**DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI MOHAMAD (LIPIS)
MINTA MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI
DAN KEPENGGUNAAN menyatakan pencapaian OPS TITIK yang
dijalankan oleh pihak Kementerian dalam usaha membentras
peyelewengan diesel dan petrol bersubsidi untuk menghapuskan
sindiket yang terlibat dalam perbuatan yang dianggap mensabotaj
ekonomi negara.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

OPS TITIK yang digerakkan oleh Kementerian pada 15 Mei yang baru lalu adalah merupakan operasi bersepadu secara besar-besaran di seluruh negara untuk memerangi penyelewengan bahan petroleum bersubsidi petrol, diesel dan gas petroleum cecair. Selaku agensi peneraju, Kementerian sendiri menggerakkan operasi secara

bersepadu serta memberi bantuan dan kerjasama penuh kepada seluruh agensi penguatkuasaan yang lain termasuk kepada operasi yang digerakkan dibawah Pasukan Petugas Khas Jabatan Peguam Negara.

Operasi ini sedang dan akan terus menggempur semua *hotspot* di semua peringkat pengedaran petrol bersubsidi, diesel bersubsidi dan Gas Petroleum Cecair bersubsidi di seluruh negara. Sama ada diperingkat depoh, pemborong, stesen minyak, stor haram, di darat mahupun di perairan, semuanya akan digempur. Operasi ini dianggotai oleh pelbagai agensi penguatkuasaan termasuklah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan beberapa agensi penguatkuasaan yang lain.

Sejak OPS TITIK ini digerakkan, sehingga 31 Mei 2014, telah berjaya mematahkan kegiatan menyelewengkan bahan petroleum bersubsidi ini dengan mencatat 97 kes yang melibatkan rampasan dianggarkan bernilai RM4.25 juta. Semua jenayah yang dipatahkan ini melibatkan orang perseorangan serta sindiket yang bergerak di sempadan negara, di darat, di pelabuhan dan juga di kawasan perairan negara.

Selain itu, akaun sindiket yang terlibat dalam kegiatan penyelewengan bahan petroleum bersubsidi ini berjumlah RM50.86 juta dan wang tunai berjumlah RM949,929 juga telah disita.

Dalam tempoh 17 hari OPS TITIK ini digerakkan, telah mula melihat impak yang agak positif iaitu kejadian *stock-out* minyak diesel yang sebelum ini kerap berlaku terutamanya pada akhir setiap bulan, kini sudah berkurangan dengan mendadak. Ini menunjukkan operasi yang sedang dijalankan telah menunjukkan kejayaan awal yang sangat membanggakan. Kementerian sangat berharap agar tindakan yang berterusan ini juga akan dapat mengurangkan jumlah subsidi yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan ke atas minyak diesel, petrol RON 95 dan gas petroleum cecair pada penghujung tahun 2014 nanti.